

# Tingkat taraf hidup orang asli'

*Kerajaan sedang merangka strategi baharu melalui program usahawan*

NINA FARZUIN MD SHAROM

**K**erajaan sedang merangka beberapa strategi melalui program tertentu untuk memperkasakan usahawan orang asli agar lebih berdaya saing dan berdaya tahan.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan sentiasa berusaha meningkatkan taraf hidup masyarakat orang asli melalui penjana pendapatan yang tetap dan stabil.

"Program ini akan diintegrasikan bersama projek ekonomi sedia ada melalui latihan dan bimbingan, bertujuan membangunkan ekopelancongan atau agro pelancongan orang asli.

"Saya yakin sektor ekopelan-



**Dr Mahathir bersama Orang Asli Mah Meri sempena Konvensyen Orang Asli Kebangsaan 2019 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di Putrajaya, semalam.**

congan atau agro pelancongan mampu membangunkan ekonomi masyarakat orang asli melalui penyediaan peluang pekerjaan yang secara langsung akan dapat

menambah pendapatan untuk pembuat kraftangan, pengeluar produk hiliran berasaskan hutan seterusnya menggalakkan masyarakat terutama golongan belia

menceburi bidang keusahawanan," katanya pada Konvensyen Orang Asli Kebangsaan 2019 di Putrajaya, semalam.

Pada masa sama, beliau ber-

kata, kerajaan masih menjadikan usaha meningkatkan tahap pendidikan pelajar orang asli sebagai agenda utama.

"Sehingga kini terdapat seramai 1,090 pelajar orang asli yang sedang menuntut di institut pengajian tinggi awam (IPTA) dalam pelbagai jurusan.

"Selain itu, terdapat pelajar orang asli yang telah berjaya melanjutkan pelajaran di universiti luar negara pada peringkat pengajian Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD).

"Jumlah ini memberi isyarat kepada kerajaan bahawa masyarakat orang asli sudah sedar mengenai pentingnya pendidikan," katanya.

Justeru, katanya, kerajaan akan terus membantu pelajar orang asli melalui Skim Bantuan Galakan Pendidikan yang dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jako).

"Kerajaan akan mempertimbangkan setiap cadangan penambahbaikan yang dicadangkan tetapi ia bergantung kepada kemampuan semasa kerajaan," katanya.